



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

SIASATAN PENCEMARAN BAU BUSUK DARI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM DI BANDAR MAHKOTA CHERAS

1. **PUTRAJAYA, 2 JUN 2022** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan siasatan terhadap aduan pencemaran bau busuk dari tapak pelupusan sampah haram di Bandar Mahkota Cheras yang diviralkan di laman Facebook pada 31 Mei 2022 hingga menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk yang tinggal berhampiran dengan tapak pelupusan sampah haram tersebut.
2. Siasatan mendapati tiada pelupusan buangan terjadual dan aktiviti pembakaran terbuka yang tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Bau busuk berpunca daripada kolam takungan semula jadi yang telah dijadikan tapak pelupusan haram sisa pembinaan dan sampah domestik. Air kolam takungan didapati berwarna hitam, berbau busuk dan dipenuhi dengan sampah sarap.
3. Ujian ke atas kualiti air kolam takungan mendapati air bersifat alkali dengan kadar oksigen yang sangat rendah akibat daripada aktiviti pelupusan sisa domestik tersebut. Pada 31 Mei 2022, operasi penutupan tapak pelupusan sampah haram tersebut sedang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).
4. Operasi juga disertai oleh Ahli Parlimen Bangi, Ahli Majlis MPKj, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), JAS dan Pejabat Tanah Dan Daerah Hulu Langat. Kes telah diserahkan kepada MPKj dan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk diambil tindakan di bawah bidang kuasa agensi tersebut.
5. Aktiviti pelupusan sisa pembinaan dan sampah domestik adalah tertakluk di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi Jadual Kedua Aktiviti 14: Pengolahan dan Pelupusan Buangan, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Oleh yang

demikian, aktiviti ini boleh diambil tindakan atas kesalahan tiada kelulusan Laporan EIA.

6. Saya berterima kasih kepada orang awam yang membantu memberi maklumat tentang aktiviti-aktiviti yang mencemarkan alam sekitar. JAS memandang serius dan sentiasa mengambil tindakan tegas serta tiada kompromi terhadap penjenayah alam sekitar.
7. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800- 88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

- Tamat -

Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar
Ketua Pengarah Alam Sekitar, Putrajaya
2 Jun 2022



Keadaan kolam takungan di lokasi kejadian



Keadaan kolam takungan di lokasi kejadian



Pegawai JAS menjalankan ujian kualiti air



Keadaan kolam takungan di lokasi kejadian